

SOALAN NO. : 27

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

NO. RUJUKAN : DR006

SOALAN:

DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan outcome inisiatif menangani pemanasan dunia, khasnya untuk mengurangkan kadar pengeluaran (emission) karbon dioksida sebanyak 40%.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) ditubuhkan dengan tujuan untuk menstabilkan konsentrasi gas rumah kaca (greenhouse gas – GHG) di atmosfera pada tahap yang tidak akan mengganggu sistem iklim. Antara hasil utama Persidangan Ke-21 UNFCCC adalah Paris Agreement yang telah dipersetujui pada 12 Disember 2015. Malaysia telah menandatangani Paris Agreement pada 22 April 2016 di New York, Amerika Syarikat.

Antara tindakan susulan Paris Agreement yang perlu dilaksanakan adalah menyediakan pelan tindakan perubahan iklim jangka masa panjang yang dinamakan Nationally Determined Contributions (NDC) setiap 5 tahun sekali. NDC merupakan sumbangan negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim bagi tempoh pasca-2020 di bawah Paris Agreement. Malaysia telah mengemukakan NDC pertamanya kepada UNFCCC pada 27 November 2015.

Melalui NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) menjelang 2030 berasaskan intensiti pelepasan pada tahun 2005. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (unconditional) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (conditional) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan

kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Inisiatif-inisiatif ini secara langsung menyumbang kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG di dalam NDC negara.

Sekian, terima kasih.